



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

HARI PENDUDUK SEDUNIA 2024

“KUASA DATA YANG INKLUSIF KE
ARAH MASA DEPAN YANG BERDAYA
TAHAN DAN SAKSAMA UNTUK SEMUA”



Tiga puluh tahun yang lalu, di Persidangan Antarabangsa Mengenai Penduduk dan Pembangunan (International Conference on Population and Development - ICPD), telah dipersetujui untuk meletakkan Pembangunan modal insan sebagai teras utama. Komitmen ini telah memberi inspirasi kepada kemajuan ketara dalam akses penjagaan reproduktif golongan wanita, pengurangan kematian ibu bersalin dan penambahbaikan dalam isu berkaitan kesaksamaan gender. Watak utama dalam kemajuan ini ialah “data”, yang merupakan fokus keseluruhan bab dalam Program Tindakan ICPD. Sejak tahun 1994, inisiatif “revolusi data” sering diulangi termasuk gesaan Setiausaha Agung PBB untuk melengkapkan negara-negara dengan sistem data yang komprehensif bagi mencapai Matlamat Pembangunan Mampan.

MESEJ UTAMA HARI PENDUDUK SEDUNIA 2024

Kemajuan dalam Kesihatan Seksual dan Reproduktif

Laporan utama UNFPA menunjukkan kemajuan besar dalam tempoh 30 tahun terakhir, dengan peningkatan data yang membolehkan perancangan dan pemantauan yang lebih baik. Namun, komuniti yang terpinggir semakin dikecualikan, ketidaksamaan dalam akses kepada penjagaan kesihatan semakin meningkat, dalam dan antara negara.

Kepentingan Data Penduduk yang Boleh Dipercayai

Dalam dunia yang tidak dapat diramal, data penduduk yang boleh dipercayai adalah penting untuk mencapai terhadap keperluan mereka yang terpinggir (marginal population).

Jurang Maklumat dan Risiko Penyalahgunaan Data

Alat pengumpulan dan analisis data telah bertambah baik, tetapi masih terdapat jurang maklumat dan risiko penyalahgunaan data. Capaian data yang boleh dipercayai dan inklusif masih belum tercapai sejak dari Persidangan Antarabangsa Mengenai Penduduk dan Pembangunan 1994.

Pentingnya Proses Pengumpulan Data yang Inklusif

Data sahaja tidak dapat menceritakan keseluruhan cerita. Memerangi prejudis dan ketidaksamaan memerlukan Proses pengumpulan data yang lebih inklusif, adil dan telus.


HUB DATA DAN PENYELIDIKAN LPPKN



MALAYSIA POPULATION RESEARCH HUB
mprh.lppkn.gov.my



FAMILY REPOSITORY
familyrepository.lppkn.gov.my



Untuk maklumat lanjut:
BAHAGIAN PENYELIDIKAN KEPENDUDUKAN DAN KELUARGA
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga

www.lppkn.gov.my



FAKTA DAN DATA

- ♦ **Jurang yang ketara dalam ketersediaan, kualiti, kebolehcapaian dan penggunaan data.** Kurang 3 daripada 10 buah negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mempunyai data yang diperlukan untuk memantau kemajuan SDG sejak dari tahun 2015. SDG 5 (Kesaksamaan gender) dan SDG 13 (Iklim) kekal sebagai dua matlamat pembangunan global terendah yang sedia terkumpul.
- ♦ **Analisis mencadangkan bahawa setiap wang yang dilaburkan dalam mengukuhkan sistem data mampu menjana \$32 untuk dimanfaatkan dalam ekonomi.** Untuk merealisasikan sepenuhnya potensi manfaat data penduduk, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengesyorkan meningkatkan pembiayaan domestik untuk data dan statistik sebanyak 50 peratus menjelang 2030.
- ♦ **Pengumpulan data selalunya mengecualikan** status HIV, orang tanpa kerakyatan, orang yang dipindahkan, pelarian dan orang yang tinggal dalam tahanan.
- ♦ **Penyelidikan UNFPA menunjukkan bahawa, di 25 buah negara, wanita adalah golongan yang paling terpinggir dan kurang menerima manfaat** daripada penambahbaikan penjagaan kesihatan, dengan halangan etnik memainkan peranan penting. Di benua Amerika termasuk Amerika Selatan, hanya 4 daripada 35 negara mengenal pasti bangsa atau etnik wanita yang meninggal dunia semasa mengandung atau melahirkan anak; hanya 11 negara mengumpul data kesihatan ibu diasingkan mengikut kaum. Daripada 80 buah negara yang direkodkan sejak tahun 2018 pula, hanya 16 buah negara mempunyai data tentang kesihatan ibu wanita orang asli.
- ♦ **Dunia tidak mengutamakan data mengenai komuniti yang paling terjejas.** Sebagai contoh, kurangnya dapatan data mengenai remaja Perempuan bawah umur yang bersalin dalam kategori umur 15 hingga 19 tahun.
- ♦ Selama bertahun-tahun, pakar bertanya, **“Berapakah umur kebanyakan wanita dan kanak-kanak perempuan yang melahirkan anak?”** dan bukannya, **“Berapa ramai gadis yang terdedah dan mengalami pencabulan hak reproduktif mereka yang paling teruk?”** Hanya pada tahun 2022, pakar dapat menjawab soalan terakhir ini iaitu setengah juta remaja perempuan berumur 10 hingga 14 tahun setiap tahun.
- ♦ Terbaharu, **kebanyakan negara telah menggunakan pendekatan inklusif bagi pengumpulan data.** Tanzania telah melibatkan orang kurang upaya dalam reka bentuk Banci 2022; penghidap albinisme dimasukkan dalam Banci 2018 Malawi; Banci Brazil 2022 buat kali pertama mengira dan memetakan penduduk quilombola negara; Kanada memasukkan isu transgender; Banci Argentina 2022 memasukkan jantina dan identiti etnik. Secara keseluruhannya, 2 daripada 3 negara yang menjalankan banci pada tahun 2020 memasukkan soalan berkaitan ketidakupayaan, kebanyakannya buat kali pertama.
- ♦ Apabila kos atau masa menjadi halangan, **data terpercil boleh dikumpulkan melalui tinjauan khas** yang menyasarkan komuniti terpinggir. Ini boleh dijalankan dengan lebih pantas dan lebih menjimatkan kos daripada usaha di seluruh negara.

Sumber : United Nation Population Fund (UNFPA), 2024

Terbitan : Julai 2024